

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Khamis, 12 Jun 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

APRIL 2025

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 37.3 peratus pada April 2025

PUTRAJAYA, 12 JUN 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, April 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 37.3 peratus pada April 2025 (18,008 tan metrik) berbanding pada Mac 2025 (28,739 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 15.6 peratus (April 2024: 21,325 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada April 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.0%) berbanding sektor estet (14.0%).

Jumlah stok getah asli pada April 2025 menurun 6.7 peratus kepada 203,728 tan metrik berbanding 218,253 tan metrik pada Mac 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 87.6 peratus diikuti kilang pengguna getah (12.3%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 35,901 tan metrik pada April 2025, menurun 31.7 peratus berbanding Mac 2025 (52,531 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 33.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada April 2025 diikuti Emiriah Arab Bersatu (14.9%),

Jerman (14.2%), India (6.5%) dan Amerika Syarikat (5.1%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.1 billion pada April 2025, menurun 19.2 peratus berbanding Mac 2025 (RM1.3 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan penurunan iaitu 7.0 peratus (April 2025: 647.20 sen sekilogram; Mac 2025: 696.05 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun sebanyak 15.8 peratus (April 2025: 641.27 sen sekilogram; Mac 2025: 761.92 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula menurun antara 6.9 peratus dan 13.5 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) menurun 13.9 peratus (daripada USD1.98/kg kepada USD1.71/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) menurun 10.1 peratus (daripada USD2.36/kg kepada USD2.13/kg).

Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran April 2025, Pasaran Getah Kuala Lumpur mengalami trend penurunan dan pemulihan yang bercampur-campur sepanjang April 2025, dipengaruhi oleh isyarat turun naik daripada pasaran hadapan getah serantau sebagai tindak balas kepada ketidaktentuan dasar perdagangan Amerika Syarikat. Sentimen pasaran kekal lemah dalam keadaan ketidaktentuan ekonomi global yang berterusan dan peningkatan ketegangan perdagangan antara China dan Amerika Syarikat. Di samping itu, ringgit yang lebih kukuh berbanding dolar Amerika Syarikat dan kemerosotan harga minyak mentah secara langsung menjejaskan sentimen.


Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan *Open Data Inventory (ODIN) 2024/25* yang dikeluarkan oleh *Open Data Watch (ODW)*, mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli April 2024, Mac - April 2025
(‘000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli April 2024, Mac - April 2025
(‘000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
12 JUN 2025

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Thursday, June 12th 2025

MEDIA STATEMENT



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA APRIL 2025

Malaysia natural rubber production decreased by 37.3 per cent in April 2025

PUTRAJAYA, JUNE 12, 2025 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, April 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 37.3 per cent in April 2025 (18,008 tonnes) as compared to March 2025 (28,739 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 15.6 per cent (April 2024: 21,325 tonnes). Production of NR in April 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (86.0%) as compared to estates sector (14.0%).

Total stocks of NR in April 2025 decreased by 6.7 per cent to 203,728 tonnes as compared to 218,253 tonnes in March 2025. Rubber processors factory contributed 87.6 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (12.3%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 35,901 tonnes in April 2025, decreased 31.7 per cent as against March 2025 (52,531 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 33.3 per cent of total exports in April 2025 followed by the United Arab Emirates (14.9%), Germany (14.2%), India (6.5%) and the United States of America (5.1%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of

rubber-based products with a value of RM1.1 billion in April 2025, a decrease of 19.2 per cent as compared to March 2025 (RM1.3 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded a decrease of 7.0 per cent (April 2025: 647.20 sen per kg; March 2025: 696.05 sen per kg) while Scrap decreased by 15.8 per cent (April 2025: 641.27 sen per kg; March 2025: 761.92 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) is decreased between 6.9 per cent and 13.5 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 13.9 per cent (from USD1.98/kg to USD1.71/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) decreased 10.1 per cent (from USD2.36/kg to USD2.13/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in April 2025, the Kuala Lumpur Rubber Market experienced mixed trends of declines and recovery throughout April 2025, influenced by fluctuating signals from regional rubber futures markets in response to the uncertainties of the U.S. trade policies. Market sentiment remained subdued amid ongoing global economic uncertainties and escalating China-U.S. trade tensions. Additionally, a stronger ringgit against the U.S. dollar and declining crude oil prices further weighed on sentiment.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15th ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia, for the first time, ranked as number one (1) globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

The Government of Malaysia has declared October 20th as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20th October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber April 2024, March - April 2025
(‘000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber April 2024, March - April 2025
(‘000 tonnes)



Released by:
THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 JUNE 2025